

08 OCT 1997

ANGGOTA PARLIMEN BARISAN NASIONAL "TURUN KE PADANG"

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Anggota-anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) hari ini berikrar akan "turun ke padang" untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai agenda media dan pengurus dana asing untuk menyalahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha mereka "menghalalkan" serangan mereka terhadap ekonomi negara.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Ahmad berkata, media dan pengurus dana asing sedang cuba mengalih perhatian dunia daripada kesalahan mereka menyerang mata wang negara-negara miskin kepada kononnya kelemahan kepimpinan negara-negara itu menjadi punca kejatuhan nilai mata wang masing-masing.

"Kita akan memberi penjelasan kepada rakyat supaya mereka tidak terpengaruh dengan dakwah itu kerana kenyataan-kenyataan Perdana Menteri mengenai kegiatan manipulasi dan spekulasi perdagangan mata wang adalah benar.

"Untuk menutup kejahatan mereka, media dan pengurus dana asing kini memburuk-burukkan Perdana Menteri dengan menuduh kejatuhan nilai ringgit berpunca daripada kelemahan kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara," katanya kepada pemberita selepas pertemuan hampir sejam antara Dr Mahathir dengan anggota-anggota Parlimen BN dan senator di pejabat Perdana Menteri di Bangunan Parlimen, di sini.

Ruhanie, yang juga anggota Parlimen Parit Sulong, berkata anggota Parlimen BN menyatakan sokongan padu kepada Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk melawan serangan-serangan itu.

Katanya, sokongan padu kepada kedua-dua pemimpin itu merupakan isyarat paling tegas rakyat Malaysia kepada media dan pengurus dana asing bahawa percubaan mereka untuk mengadu-domba kepimpinan negara tidak berjaya. --
BERNAMA

AH NMO